

KESULITAN PELAJAR-PELAJAR MALAYA KE INDONESIA

Azmi Mujahid penulis rencana ini seorang belia yang dahaga kepada pelajaran, seperti beratus-ratus rakan sebayanya yang bercita-cita hendak melanjutkan pelajaran di luar negeri, malangnya cita-cita yang mulia itu sentiasa dihalangi oleh kesulitan-kesulitan di bawah ini—P.Q.

(oleh: Azmi Mujahid)

Bagi mereka yang mempunyai hati jantung yang hidup, tidak senang melihat keadaan yang tidak memuaskan hati. Kegeloraan masyarakat deras dengan jiwa yang bergelora pula, disambut dengan perasaan panas, bercampur pedih. Fikirannya mahu mengatasi segala yang tak diinginkan itu, usaha berjalan tersendiri mengikut apa yang terdaya.

Sudah biasa bagi penjajah bahawa tiap-tiap anak jajahan dihantar belajar ke negerinya untuk mendapat persejiwaan dan bersejalan fikiran. Yang dihantar itulah yang diakui serta dengan kemudahannya dapat diterima memegang urusan-urusan pentadbiran atau terlebih dahulu tempat-tempat sudah disediakan. Umpamanya di Indonesia yang dipandang oleh pemerintah Belanda, hanya yang pulang dari Netherland, begitu juga di Malaya, tanah jajahan Inggeris yang diiktiraf atau dikehendaki hanya lepasan Inggeris atau dari negara-negara dominan. Segala kemudahan diberi, kerusi sudah disediakan dan beratus-ratus ringgit untuk keperluan hidup. Sementara yang dibawa pulang sama banyak antara yang berfaedah kepada bangsa- negara dan yang meruntuhkannya. Yang berfaedah itulah yang sangat-sangat kita hajati bukan jenis-jenis tiruan yang merupakan teori-teori kambing yang memberi bencana kepada masyarakat bangsa dan meruntuhkannya serta menjadi penghalang

terhadap kemajuan akhlak.

Ini bukan luar biasa apakala kita memikirkan bahawa yang melakukan itu terdiri dari golongan Imperialis tetapi kelakuan seperti itu masih diamalkan oleh golongan sendiri yang berkuasa, wakil sendiri yang dipercayai, adalah saling menyedihkan.

Usaha untuk ke Indonesia terlalu sulit, tidak seperti ke India atau ke negeri-negeri Komanwel, memadai dengan British passport jua. Ke Indonesia mesti mendapat visa dan untuk mendapat visa mesti mendapat surat dari pihak penjamin di sana serta menyediakan pula lima ratus ringgit wang simpanan supaya mudah pulang ke tanah air apakala mendapat sakit dan sebagainya.

Kalau wang simpanan sudah diserahkan maka jaminan dalam pelaksanaan menanti lulus berbulan-bulan bahkan bertahun-tahun. Tidakkah ini tindakan pemerintah yang terlalu?

Kepayahan reda sedikit setelah terdirinya di Indonesia “Himpunan Pelajar Malaya Indonesia (HMA)” dan merekalah sekarang menjalankan tugas-tugas untuk mendapat kelulusan bagi pelajar-pelajar Malaya yang bercita-cita ke Indonesia.

Kedatangan bapa Abdul Kahar Muzakkar ke Kelantan tempoh hari memberi kesan yang tidak kecil tetapi usaha di sini masih belum luas hingga hari ini sudah

memakan masa setahun lebih, kelambatan tersebut tidak dapat diketahui jelas sebab-sebabnya.

Saya pernah menerima surat dari ketua (HMA) membayangkan bagaimana kegelisahan pelajar-pelajar di sini yang sudah terlalu, waktu menanti visa.

16 pelajar-pelajar sudah setahun menanti visa belum terbangun waktunya akan selesai, hal ini memang layak bagi kerajaan penjajah tetapi oleh kerana sekarang yang berkuasa- walau tidak 100%- wakil wakil rakyat perlu benar diusahakan kemudahan-kemudahan perhubungan antara dua pemerintah Malaya-Indonesia. Apatah lagi sebagai dua bangsa yang sejiwa: bersatu bahasa, agama dan adat, hanya terpisahnya disebabkan penjajah.

Sewaktu bertemu wakil rakyat Majlis Undangan Federal dari kawasan saya, sempat saya mengemukakan pernyataan: Mengapa terlalu payah ke Indonesia sedang kerajaan rakyat sudah setahun berkuasa? Jawapannya: kerajaan (Malaya) masih berkira (berusaha) dengan pemerintah sana, selain itu beliau sebut juga syarat-syarat jaminan.

Yang sangat dihajati ialah kesudahan dan diamalkan oleh kedua-dua pemerintah dengan seberapa segeranya.

Kesulitan pelajar-pelajar Malaya di Indonesia masih belum dapat di atasi. Umpamanya usaha hendak mendirikan dua buah asrama (rumah tumpangan pelajar-pelajar).

Kewangan bukan masalah kecil bagi mereka kerana tanggungan belajar oleh keluarga masing-masing, dan terlepas dari bantuan kerajaan- mereka hanya belajar dengan ongkos sendiri.

Kesulitan-kesulitan tersebut harus diperbaiki kerajaan selekas-lekasnya, bantuan-bantuan janganlah hendaknya dihadkan hanya kepada pelajar ke England atau ke Australia, itu adalah

amalan penjajah yang sudah lapuk, sekarang kerajaan rakyat- wakil-wakil rakyat, satu kewajipan kepadanya menyelesaikan dan menghapuskan cara yang tidak adil ini.

Yang bercita-cita ke Indonesia melanjutkan pelajaran – kebanyakannya adalah terdiri dari penuntut-penuntut agama, antara setengahnya kehidupan keluarga terlalu sederhana tetapi oleh kerana keras cita-cita, mereka sanggup menempuh kesulitan.

Fikiran mereka telah kita tinjau. Untuk kepentingan agama, bangsa dan negara, tinjauan ini bukan meleset kerana kesanggupan mereka meninggalkan tanah air—keluarga. Sementara dalam masa belajar, terbiar atau tak diambil tahu oleh pemerintah—pengajian-pengajian belum diiktiraf olehnya—tidak seperti di England.

Sungguhpun kebanyakan pelajar-pelajar Malaya di sana belajar dalam sekolah-sekolah atau universiti Islam, mereka dapat mengamalkan kewajipan-kewajipan terhadap bangsa dan negara sementara asas perjuangannya demi untuk kepentingan agama. Juga mempunyai kebolehan memegang apa-apa cawangan di pejabat kerajaan (kerajaan Indonesia) pendidikan seperti atau ke arah inilah mesti dikerjakan oleh kerajaan Malaya.

Tidak ada sebab mengapa pemerintah Malaya tidak dapat meluas atau menyediakan lapangan-lapangan untuk pelajar-pelajar Malaya di Indonesia, kerana sudah bersesuaian dan kenyataan baik telah terbukti. Perbuatan-perbuatan yang lalu yang dilakukan pemerintah penjajah, seperti tersebut di atas mestilah dilenyapkan. Hendaknya pemerintah (rakyat) sama-sama mengiktiraf walau di mana pelajar-pelajar Malaya belajar. Mengikut keadilan, kebolehan dan persesuaian.